



Swasta ambil alih terjemahan buku teks sains, matematik jika DBP gagal

KUALA LUMPUR — Kementerian Pendidikan akan melantik syarikat penerbitan lain jika Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) gagal menyiapkan terjemahan buku-buku mata pelajaran Matematik dan Sains ke dalam bahasa Inggeris dalam tempoh yang ditetapkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian itu, Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata, perbincangan mengenai perkara tersebut telah dilakukan oleh Kementerian dan beberapa syarikat penerbitan telah dikenal pasti.

Bagaimana pun katanya, pihaknya hanya akan membuat keputusan mengenai pelantikan itu jika DBP tidak mampu menyiapkan terjemahan tersebut.

Beliau menegaskan, langkah itu dibuat sebagai salah satu pelan kecemasan untuk membantu DBP menyiapkan terjemahan tersebut menjelang hujung tahun ini.

“Namun kita yakin DBP mampu menyiapkan terjemahan tersebut seperti yang telah dijadualkan,” katanya.

Malah menurut Mahadzir, beliau yakin para pelajar yang terlibat akan memperoleh buku-buku terjemahan tersebut sebelum sesi persekolahan bermula.

“Justeru ibu bapa dan para pelajar tidak perlu bimbang mengenai kelewatan memperoleh buku-buku berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan ‘National

Seminar on Second/Foreign Language Learner and Learning’ anjuran Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini hari ini.

Mahadzir berkata, pihak Kementerian telah berbincang mengenai tarikh akhir bagi DBP menyiapkan terjemahan tersebut, namun beliau enggan mengulas lanjut mengenai tarikhnya.

Beliau juga menegaskan, Kementerian tidak mahu terjemahan tersebut dilakukan secara tergesa-gesa semata-mata mengejar tarikh akhir.

“Yang penting adalah kualiti terjemahan tersebut, tidak kira pihak mana yang melaksanakan terjemahan itu,” tegasnya.